Penyediaan Laporan SIA adalah untuk memberi fokus kepada kemampanan sosial, ianya juga bertujuan ke arah memupuk penggerak projek untuk menjadi rakan kepada komuniti di dalam menerapkan perubahan sosial positif bagi meningkatkan kesejahteraan sesuatu komuniti khususnya mereka yang terpinggir, terabai dan kumpulan yang kurang bernasib baik di dalam komuniti.

SIA di peringkat projek pembangunan merupakan satu alat membuat keputusan yang berkesan bagi memastikan isu-isu sosial dapat ditangani, yang meliputi impak sosial dan proses perubahan sosial yang terhasil daripada sesuatu projek pembangunan.

Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) di peringkat Negeri Selangor adalah selaras dengan Peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172) (Pindaan) 2017 (Akta A1522). Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil.4/2017 yang bersidang pada 23 Oktober 2017 telah bersetuju terhadap penerimapakaian dan pewartaan Akta A1522 di Negeri Selangor.

Bagi menilai laporan SIA di bawah SIA Kategori 3 yang telah disediakan oleh perunding SIA, Panel Penilai Laporan SIA di peringkat PLANMalaysia telah ditubuhkan. Panel ini dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor, dan sekiranya perlu penurunan kuasa kepada Timbalan Pengarah boleh dibuat dengan persetujuan Pengarah PLANMalaysia Selangor.

Panel ini terdiri daripada beberapa agensi di peringkat Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan ahli pakar yang dilantik terdiri daripada ahli pakar perancang bandar, ahli pakar sosial dan ahli pakar berkaitan teknik dan metodologi.Keahlian Ahli Panel Penilai Laporan SIA Peringkat Negeri Selangor ini dipengerusikan oleh Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor. Keahlian Tetap pula terdiri daripada:

1. Unit Perancang Ekonomi (UPEN);
2. Pejabat Pembangunan Negeri (SDO);
3. Jabatan Kebajikan Masyarakat;
4. PBT berkaitan;
5. Wakil *Malaysian Institute of Planner* (MIP);
6. Wakil M*alaysian Association of Social Impact Assessment* (MSIA); dan
7. Wakil daripada bidang akademik.

Turut hadir wakil daripada Kementerian dan agensi berkaitan peringkat persekutuan, agensi berkaitan peringkat negeri/tempatan, wakil PLANMalaysia dan NGO yang berkaitan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 7/2018 pada 7 Mac 2018. Akta A1522 ini seterusnya diwartakan pada 1 Mac 2019. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah, PLANMalaysia Selangor dan telah bersidang sebanyak 24 kali mesyuarat pada tahun 2022 bagi merundingkan 48 permohonan yang telah dikemukakan seperti berikut:

BIL.	MESYUARAT PANEL PENILAI LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL NEGERI SELANGOR	TARIKH MESYUARAT	BIL. KERTAS PERMOHONAN
1.	**Mesyuarat SIA Bil. 1/2022**	**11 Jan 2022**	**2**
a.	Cadangan Membina 1 Blok Pusat Asrama Pekerja Asing Kos Rendah 598 Unit 15 Tingkat Beserta Kemudahan Fasiliti 6 Tingkat Di Atas Pt 60812 (Hsm 23176), Jalan Suria Park 1, Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Permohonan Kebenaran Merancang Seksyen 21 (Akta 172), Bagi Cadangan 2 Blok Asrama Pekerja Lelaki 5 Tingkat Melalui Serah Dan Bermilik Semula Di Bawah Seksyen 204B, Akta Kanun Negara 1965, Di Atas Sebahagian Lot 5135, Jalan Dahlia/Ku 8, Kawasan Perindustrian Meru Timur, Mukim Kapar Daerah Klang Selangor Darul Ehsan.		
2.	**Mesyuarat SIA Bil. 2/2022**	**14 Jan 2022**	**2**
a.	Penilaian Impak Sosial Bagi Cadangan Pembangunan Industri Di Atas PT 12600 Dan PT 12603, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Cadangan Pembangunan Perumahan Di Atas Lot 13807 (Pn 74991), Lot 14213 (PT 6910 [HSD 22502]), Lot 14214 (PT 6909 [HSD 22501]), Lot 14215 (PT 6908 [HSD 22500]), Lot 14216 (PT 6907 [HSD 22499]), Lot 14217 (PT 6906 [HSD 22498]), Lot 14218 (PT 6905 [HSD 22497]), Lot 14221 (PT 6902 [HSD 22494]), Lot 14223 (PT 6900 [HSD 22492]) Dan Sebahagian Tanah Kerajaan (Sebahagian Daripada Fasa 5B), Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
3.	**Mesyuarat SIA Bil. 3/2022**	**24 Jan 2022**	**2**
a.	Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Cadangan Pembangunan 1,732 Unit Kondominium Dan Pangsapuri "Rumah Selangorku" Di Atas Lot PT 14558 Hingga Lot PT 14674 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan Yang Dipohon (Lot Lama 17837), Bukit Cheras, Mukim Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Permohonan Penilaian Impak Sosial Bagi Cadangan Pembangunan 2 Blok SOHO Beserta Kemudahan Sokongan, Di Atas Lot 50246 (Dahulunya Lot 25300), Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
c.	Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Cadangan Pembanguan Perumahan Skim Gated Komuniti Di Bawah Seksyen 6(1) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Dan Perniagaan Di Atas Lot 4955, Lot 763, Lot 178, Lot 1138, Lot 1575 & Lot 1708, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
4.	**Mesyuarat SIA Bil. 4/2022**	**11 Feb 2022**	**1**
a.	Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Cadangan Pembanguan Perumahan Skim Gated Komuniti Di Bawah Seksyen 6(1) Akta 318 (Akta Hakmilik Strata 1985) Dan Perniagaan Di Atas Lot 4955, Lot 763, Lot 178, Lot 1138, Lot 1575 & Lot 1708, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
5.	**Mesyuarat SIA Bil. 5/2022**	**11 Mac 2022**	**2**
a.	Penilaian Sosial Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan Di Atas Lot PT 4792, Bandar Baru Salak Tinggi , Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Cadangan Membina 1 Blok Pusat Asrama Pekerja Asing Kos Rendah 598 Unit 15 Tingkat Beserta Kemudahan Fasiliti 6 Tingkat Di Atas PT 60812 (HSM 23176), Jalan Suria Park 1, Kawasan Perindustrian Kampung Baru Balakong, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
6.	**Mesyuarat SIA Bil. 6/2022**	**31 Mac 2022**	**2**
a.	Penilaian Impak Sosial Bagi Cadangan Pembangunan Kuarters Pekerja (Jenis Hostel) Dan Kedai Jenis Hybrid, Persiaran Klang Sentral, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur Melalui Serahbalik Dan Berimilik Semula Di Bawah Seksyen 204B, Kanun Tanah Negara Di Atas Lot 817, Lot 818, Lot 46266, Lot 46267 Dan Sebahagian Tanah Rizab Kerajaan Seluasa 5.63 Ekar, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.		
7.	**Mesyuarat SIA Bil. 7/2022**	**15 April 2022**	**2**
a.	Cadangan Pembangunan Perumahan Di Atas Lot 13807 (PN 74991), Lot 14213 (PT 6910 [HSD 22502]), Lot 14214 (PT 6909 [HSD 22501]), Lot 14215 (PT 6908 [HSD 22500]), Lot 14216 (PT 6907 [HSD 22499]), Lot 14217 (PT 6906 [HSD 22498]), Lot 14218 (PT 6905 [HSD 22497]), Lot 14221 (PT 6902 [HSD 22494]), Lot 14223 (PT 6900 [HSD 22492]) Dan Sebahagian Tanah Kerajaan (Sebahagian Daripada Fasa 5B) Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Cadangan Pangsapuri Perkhidmatan Secara '*Transit Oriented Development*' (TOD) Di Atas Lot 66447 (Dahulunya Dikenali Sebagai Lot 744), Batu 10 ¼, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
8.	Mesyuarat SIA Bil. 8/2022	28 April 2022	1
a.	Permohonan Kebenaran Merancang Seksyen 21 (Akta 172), Bagi Cadangan 2 Blok Asrama Melalui Serah Dan Bermilik Semula Di Bawah Seksyen 204B, Akta Kanun Negara 1965, Di Atas Sebahagian Lot 5135, Jalan Dahlia/Ku 8, Kawasan Perindustrian Meru Timur, Mukim Kapar Daerah Klang Selangor Darul Ehsan.		
9.	Mesyuarat SIA Bil. 9/2022	24 Mei 2022	3
a.	Cadangan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204B, Akta Kanun Tanah Negara (KTN) Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur Secara Strata Mengikut Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) Di Bawah Seksyen 21(1) Akta 172 Di Atas Lot 3278 (Grn 24223), Seluas 16.781 Ekar, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Cadangan Pembangunan Industri Di Atas PT 12599 Dan 12602 Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
c.	Cadangan Pembangunan Bercampur Melalui Serahbalik Dan Berimilik Semula Di Bawah Seksyen 204B, Kanun Tanah Negara Di Atas Lot 818, Lot 46266, Lot 46267 Dan Sebahagian Tanah Rizab Kerajaan Seluas 5.36 Ekar, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.		
10.	**Mesyuarat SIA Bil. 10/2022**	**9 Jun 2022**	**2**
a.	Cadangan Pembangunan 1,732 Unit Kondominium Dan Pangsapuri "Rumah Selangorku" Di Atas Lot PT 14558 Hingga Lot PT 14674 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan Yang Dipohon (Lot Lama 17837), Bukit Cheras, Mukim Bandar Ampang, Daerah Ulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Cadangan Pangsapuri Perkhidamtan Secara '*Transit Oriental Development*' (TOD) Di Atas Lot 66447 (Dahulunya Dikenali Sebagai Lot 744), Batu 10 ¼, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan .		
11.	**Mesyuarat SIA Bil. 11/2022**	**17 Jun 2022**	**3**
a.	Cadangan Pembangunan Komersial "*Selangor Business Capital*" Di Atas Lot PT 20978 Dan Sebahagian Lot PT 21044, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Cadangan Permohonan Kebenaran Merancang Mengikut Seksyen 21 Akta 172, Bagi Maksud Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204B, Kanun Tanah Negara (KTN) Bagi Cadangan Pembangunan Industri, Di Atas Lot 2100-2108, Lot 1258 Dan Lot 1795, Mukim Serendah, Ulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
c.	Cadangan Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Penyerahan Balik Dan Pemberimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204B, Akta Kanun Tanah Negara (KTN) Bagi Cadangan Pembangunan Bercampur Secara Strata Mengikut Akta Hakmilik Strata 1985 (Akta 318) Di Bawah Seksyen 21(1) Akta 172 Di Atas Lot 3278 (Grn 24223), Seluas 16.781 Ekar, Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan.		

BIL.	MESYUARAT PANEL PENILAI LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL NEGERI SELANGOR	TARIKH MESYUARAT	BIL. KERTAS PERMOHONAN
14.	**Mesyuarat SIA Bil. 14/2022**	**13 Sept 2022**	**4**
a.	Cadangan Pembangunan Tanah Perindustrian Di Atas Lot 2495, Jenjarom, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Negeri Selangor.		
b.	Cadangan Permohonan Kebenaran Merancang Di Bawah Seksyen 21 (Akta 172) Bagi Cadangan Pembangunan Yang Melibatkan 2 Blok Asrama Pekerja Melalui Serah Balik Dan Berimilikan Semula Di Bawah Seksyen 204b, Akta Kanun Tanah Negara 1965, Di Atas Lot 4908, Jalan Teratai, Kawasan Perindustrian Meru, Mukim Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.		
c.	Cadangan Pembangunan *'Selangor Smart Industrial Park'* (SSIP) Berkonsepkan *'Managed Industrial Park'* Secara Berfasa Di Atas Lot 12193, PT 34036, PT 34037, PT 34040 Dan PT 34043 Berkeluasan 723.53 Ekar, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan .		
d.	Kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) Bagi Cadangan Pembangunan Loji Sisa Kepada Tenaga (WTE) Di Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (ISWMC) Jeram, Mukim Jeram Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
15.	**Mesyuarat SIA Bil. 15/2022**	**11 Okt 2022**	**2**
a.	Cadangan Pembangunan Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) Di Atas Lot 80112, Revolusi Hijau Batu 5, Johan Setia, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan .		
b.	Laporan Penilaian Impak Sosial Bagi Cadangan Pembanguan Kuarters Pekerja (Jenis Hostel) Dan Kedai Pejabat, Persiaran Klang Sentral, Mukim Kapar, Daerah Klang.		
16.	**Mesyuarat SIA Bil. 16/2022**	**14 Okt 2022**	**1**
a.	Cadangan Pembangunan Asrama Pekerja Di Atas PT 62 (HSM 11533), Kampung Baru Sungai Buloh, Seksyen U19, 40160 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.		
17.	**Mesyuarat SIA Bil. 17/2022**	**24 Okt 2022**	**1**
a.	Cadangan Pembangunan Industri Di Atas PT 12598 & PT 12601, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.		
18.	**Mesyuarat SIA Bil. 18/2022**	**30 Nov 2022**	**2**
a.	Cadangan Membina 2 Blok Pangsapuri Servis Yang Mengandungi 1050 Unit Melalui Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204B, Kanun Tanah Negara (KTN 1965), Di Atas Lot 1793 & Lot 1794, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan		
b.	Cadangan Pembangunan Perniagaan Dan 3 Blok Pangsapuri Perkhidmatan 32 Tingkat (1,252 Unit) Seluas 3.48 Ekar, Di Atas Lot PT 15 (Precinct 2.9), Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.		
19.	**Mesyuarat SIA Bil. 19/2022**	**9 Dis 2022**	**1**
a.	Cadangan Pembangunan Kediaman Di Atas Lot PT 14558 Himgga Lot PT 14674 Dan Sebahagian Tanah Kerajaan Yang Dipohon (Lot 17837), Bukit Cheras, Mukim Bandar Ampang, Daerah Ulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
20.	**Mesyuarat SIA Bil. 20/2022**	**13 Dis 2022**	**1**
a.	Cadangan Pembangunan Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ), Di Atas PT 28544, PT 28545, PT 28546 Dan PT 28547, Jalan Haji Abdul Samad 4, Off Jalan Kapar, Pekan Kapar, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.		
21.	**Mesyuarat SIA Bil. 21/2022**	**14 Dis 2022**	**2**
a.	Cadangan Pembangunan Taman Peringatan Di Atas Lot PT 424, PT 425, PT 426, PT 247 Dan Tanah Kerajaan (Kawasan Lapang Dan Dan Simpanan Jalan Awam), Pekan Baru Sungai Besi, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.		
b.	Cadangan Pembangunan Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) Di Atas Lot 80112, Revolusi Hijau Batu 5, Johan Setia, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan.		
22.	**Mesyuarat SIA Bil. 22/2022**	**16 Dis 2022**	**1**
a.	Cadangan Pembangunan 1 Blok Pangsapuri Servis (1,500 Unit – 37 Tingkat), Serta Kemudahan Yang Berkaitan, Melalui Serah Sebahagian Balik Tanah Di Bawah Seksyen 200, Kanun Tanah Negara (KTN 1965), Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
23.	**Mesyuarat SIA Bil. 23/2022**	**19 Dis 2022**	**1**
a.	Cadangan Membina 2 Blok Pangsapuri Servis Yang Mengandungi 1050 Unit Melalui Serah Balik Dan Pemberimilikan Semula Tanah Di Bawah Seksyen 204B, Kanun Tanah Negara (KTN 1965), Di Atas Lot 1793 & Lot 1794, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.		
24.	**Mesyuarat SIA Bil. 24/2022**	**21 Dis 2022**	**1**
a.	Cadangan Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan Di Atas Lot 128536, Tanah Simpanan Melayu Dengkil, Cybersouth, Mukim Dengkil, Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan.		
		JUMLAH KESELURUHAN	**48**

JAWATANKUASA PENYELARASAN PELAKSANAAN PUSAT SETEMPAT (OSC) DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Penyelarasan Penyelarasan Pelaksanaan Pusat Setempat (OSC) Di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor merupakan platform yang diwujudkan bertujuan untuk memantau status pencapaian permohonan di peringkat OSC serta membincangkan isu-isu dan cabaran semasa pelaksanaan OSC. Selain itu, mesyuarat ini juga merupakan forum rasmi antara PLANMalaysia dan PBT untuk membincangkan mengenai permasalahan atau isu-isu pelaksanaan pusat setempat di PBT.

Platform ini turut dimanfaatkan dengan perkongsian pengalaman serta sebaran dasar-dasar baharu. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor serta turut dihadiri daripada wakil UPEN, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tahun 2022, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak 2 kali iaitu pada 7 Mac 2022 dan 23 Disember 2022.

JAWATANKUASA PENYELARASAN PERANCANGAN ANTARA PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan, mewujudkan common understanding dan kerjasama yang berterusan antara PLANMalaysia@Selangor dan Ketua Unit OSC di PBT. Selain itu, mesyuarat ini juga merupakan forum rasmi antara PLANMalaysia dan PBT untuk membincangkan mengenai permasalahan atau isu-isu pelaksanaan pusat setempat di PBT.Bagi tujuan penyelarasan input-input perancangan serta mendapatkan maklum balas isu-isu perancangan daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan Negeri Selangor, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak dua kali bagi tahun 2022 iaitu pada 31 Mac 2022 dan 8 Disember 2022. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah PLANMalaysia Selangor serta turut dihadiri wakil Jabatan Perancang Bandar Pihak Berkuasa Tempatan.

KAWALAN PERANCANGAN

Jabatan sentiasa komited dalam memberikan ulasan dan nasihat perancangan mengikut tempoh piagam iaitu tidak melebihi 14 hari. Bagi tahun 2022, Jabatan telah menerima sebanyak 2,989 permohonan perancangan. Daripada jumlah tersebut, ulasan permohonan tanah kerajaan dari Pejabat Daerah dan Tanah merupakan permohonan yang terbanyak iaitu 633 permohonan.

Statistik Permohonan Perancangan

BIL.	KATEGORI	JUMLAH
1.	ULASAN KEBENARAN MERANCANG	534
2.	ULASAN PERANCANGAN KEPADA PTD 1	1,498
3.	ULASAN KEPADA PTD 11	13
4.	MAKLUMAT PERANCANGAN	273
5.	LAPORAN KEPADA KAJIAN	31
6.	LAIN-LAIN ULASAN	672
	JUMLAH KESELURUHAN	**2,989**

LEMBAGA RAYUAN NEGERI SELANGOR

Lembaga Rayuan Negeri Selangor telah ditubuhkan di bawah seksyen (36), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Kaedah Lembaga Rayuan Negeri Selangor telah diwartakan pada 30 September 1999. Fungsi Lembaga Rayuan ini antaranya sebagai Mahkamah Perancangan atau badan penghakiman berkecuali/ tribunal yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk mendengar rayuan daripada pihak yang terkilan dengan keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan sebagai mana yang telah digariskan di bawah Akta 172.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh sub seksyen 36 (2) Akta 172, Pihak Berkuasa Negeri Selangor dengan persetujuan Menteri Besar telah melantik Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-Ahli Lembaga Rayuan Selangor seperti berikut:

Keahlian Lembaga Rayuan Negeri Selangor

JAWATAN	NAMA
Pengerusi	YBhg. Dato' Fazin bin Mahmud
Timbalan Pengerusi	YBhg. Puan Noraziah binti Abu Bakar
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Dato' Azmeer bin Rashid
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Tuan Ho Khong Ming
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Puan Hajah Norasiah binti Yahya
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Prof Madya TPr Dr. Jamalunlaili bin Abdullah
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Dr. Siti Sarah bin Sulaiman
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Dato' Haji Kamarulzaman bin Jamil
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Dato' TPr Haji Mohd Jaafar bin Haji Mohd Atan
Ahli Lembaga Rayuan	YBhg. Datuk Gunasilan a/lPonniah
Ahli Lembaga Rayuan	Kosong
Ahli Lembaga Rayuan	Kosong
Ahli Lembaga Rayuan	Kosong
Pendaftar	En. Sallehudin bin Samsuddin

Jumlah Kes Dan Prosiding Lembaga Rayuan

BIL.	PERKARA	JUMLAH
1	Kes Selesai	29
2	Kes Pendengaran	86
3	Kes Sebutan	25
4	Kes Tarik Diri	5
5	Kes Pendaftaran	25
6	Kes Tangguh	5
	JUMLAH KESELURUHAN	**166**

PERUTUSAN PENGARAH

PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN

STRATEGI KORPORAT JABATAN

STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGURUSAN KEWANGAN

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

KALENDAR PROGRAM JABATAN

LAWATAN DELEGASI LUAR

KALENDAR PROGRAM JABATAN

BENGKEL PERLUASAN SKOP JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMBANGUNAN KAWASAN SENSITIF ALAM SEKITAR (JTPKSAS) NEGERI SELANGOR DAN BENGKEL PENGUKUHAN PEMPROSESAN SOCIAL IMPACT ASSESSMENT (SIA) KATEGORI 3

Bengkel Perluasan Skop Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (JTPKSAS) Negeri Selangor dan Bengkel Pengukuhan Pemprosesan *Social Impact Assessment* (SIA) Kategori 3 telah berlangsung pada 19-21 Julai 2022 di De Palma Shah Alam yang dihadiri 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, agensi teknikal Peringkat Persekutuan dan Negeri serta wakil dari Malaysia Institute of Planner (MIP) dan M*alaysian Association of Social Impact Assessment* (MSIA) bagi membincang hala tuju JTPKSAS dan SIA Peringkat Negeri Selangor.

PENILAIAN KEBANGSAAN GOMBAK - HULU LANGAT GEOPARK (GHL GEOPARK) SEBAGAI GEOPARK KEBANGSAAN

Sesi Penilaian Kebangsaan Gombak-Hulu Langat Geopark (GHL Geopark) telah diadakan pada 15 sehingga 18 Julai 2022. Sesi penilaian ini sebagai inisiatif yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor semenjak tahun 2019 dan merupakan langkah permulaan yang signifikan sebelum ke arah pengiktirafan sebagai UNESCO Global Geopark (UGGp) yang disasarkan pada tahun 2025.

Dua panel penilai yang terlibat pada sesi penilaian ialah Professor Madya Dr. Kamal Roslan, Felo Penyelidik Pusat Penyelidikan Langkawi dan En Ludi bin Apin, Timbalan Pengarah Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah. Turut serta dua pemerhati iaitu Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan dan Puan Ain Maisyarah binti Yazrol, Pegawai Tadbir (Geopark) Perbadanan Taman Negeri Perak. PLANMalaysia Selangor merupakan Sekretariat Badan Pengurusan GHL Geopark dalam usaha ini.

WORLD URBAN FORUM KE-11 (WUF11)

World Urban Forum Ke-11 (WUF11) Tahun 2022 telah berlangsung di Katowice, Poland. Di dalam forum tersebut, *Selangor Sustainable Development Goals Roadmap 2022* telah dilancarkan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor serta turut dihadiri dua pegawai daripada PLANMalaysia Selangor. Puan Nor Zaliza Binti Mohd Puzi, Timbalan Pengarah PLANMalaysia Selangor juga telah membuat perkongsian *Aspiring* Gombak-Hulu Langat *Geopark* (GHL *Geopark*) di dalam forum tersebut.

AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015

PLANMalaysia Selangor telah mendapat Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 melalui Audit Pensijilan Semula oleh pihak SIRIM pada 6 dan 7 April 2022 tanpa sebarang Laporan Ketidakakuran (NCR) yang direkodkan. Jabatan amat komited dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti di dalam setiap proses kerja yang di ISO kan. Bagi menggapai kejayaan ini, Jabatan telah mengambil beberapa tindakan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Bengkel Pemantapan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001 : 2015 oleh pihak EQ Management Associates Sdn. Bhd.	11 Januari 2022
2.	Audit Dalaman ke atas Prosedur dan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 oleh Pasukan Audit Dalaman Jabatan	19 - 21 Januari 2022
3.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan PLANMalaysia Selangor 2022	9 Mac 2022
4.	Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 oleh pihak SIRIM	6 dan 7 April

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
MANAGEMENT SYSTEM CERTIFICATION DEPARTMENT
Block 4, SIRIM Complex, No. 1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, 40700 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

No. Fail : 20190101746

SISTEM PENGURUSAN KUALITI
LAPORAN AUDIT PENSIJILAN SEMULA

ORGANISASI : PLANMalaysia@Selangor (JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR)

ALAMAT LOKASI UTAMA YANG DIAUDIT
(Untuk pensijilan berkelompok, senarai lokasi tambahan adalah seperti dilampirkan):
TINGKAT 15-18,
BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO 3 JALAN INDAH, SEKSYEN 14,
40646 SHAH ALAM
SELANGOR
MALAYSIA

NO. PENSIJILAN	QMS 03401	STANDARD	ISO 9001:2015
TARIKH AUDIT	6 – 7 APRIL 2022 / 4 HARI AUDIT	TARIKH AUDIT YANG LEPAS	7 – 8 JUL. 2021

SKOP PENSIJILAN :
1. PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA.
2. PENGURUSAN KHIDMAT SOKONGAN PERANCANGAN BAGI PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA.

PASUKAN AUDIT :		
1) HEEZA IZWAN MOHD HASNAN	KETUA JURUAUDIT	2 HARI AUDIT
2) ZULKIFLI ABDULLAH	JURUAUDIT	2 HARI AUDIT

BILANGAN ANGGOTAKERJA (yang berkaitan dengan skop pensijilan) : 94 ORANG

Laporan oleh Ketua Pasukan Audit
Nama : HEEZA IZWAN MOHD HASNAN
Tandatangan :
Tarikh : 7TH APRIL 2022

Pengesahan daripada Wakil Pengurusan organisasi
Nama : PN. NOR ZALIZA MOHD PUZI
Tandatangan :
Tarikh : 7TH APRIL 2022

Rancangan Audit dan lampiran berikut adalah sebahagian daripada laporan ini :
Laporan Ketakakuran (NCR) -
Peluang Penambahbaikan (OFI) -
Senarai Lokasi Tambahan -
Tandakan (√) yang berkenaan

Laporan disemak dan pengesyoran diluluskan oleh :
(Ketua Seksyen)
Tarikh

SQAS/MSC/FOR/06-17
Issue 1 Rev. 2
Page 1 of 9

SIRIM QAS INTERNATIONAL

SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

PLANMalaysia@Selangor
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR
TINGKAT 15 - 18, BANGUNAN DARUL EHSAN
NO. 3, JALAN INDAH
SEKSYEN 14
40646 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

ISO 9001 : 2015
SISTEM PENGURUSAN KUALITI - Keperluan

Skop Pensijilan
1) PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA;
2) PENGURUSAN KHIDMAT SOKONGAN PERANCANGAN BAGI PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA.

Tarikh dikeluarkan	:	12 April 2022
Tarikh asal pensijilan	:	10 April 2019
Tarikh luput	:	09 April 2025
No. pensijilan	:	QMS 03401

Nur Fadhilah binti Muhammad
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2022 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2022 Peringkat Negeri Selangor telah diadakan pada 6 Disember 2022 secara anjuran bersama dengan Kolej Pengajian Alam Bina - KAB Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam.

Majlis Perasmian disempurnakan oleh Y.Brs. TPr Haji Hassan Bin Yaakob Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) PLANMalaysia. Sambutan HPBS telah diraikan bersama para pendidik dan pelajar-pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPTA) yang mempunyai jurusan dalam bidang Perancangan Bandar dan Wilayah seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM). Di antara pengisian sambutan HPBS 2022 Peringkat Negeri Selangor adalah **Pertandingan Pelan Perancangan Bandar Pintar**, **Perkongsian Ilmu Bandar Pintar** daripada Unit Bandar Pintar, PLANMalaysia dan SSDU Innovations Sdn Bhd. serta pameran mengenai:

1. Manual Garis Panduan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Keempat;
2. Gombak - Hulu Langat Geopark;
3. Sistem Maklumat Perancangan Negeri Selangor (SISMAPS);
4. Smart Selangor, SSDU; dan
5. Hasil kerja pelajar IPTA jurusan Perancangan Bandar dan Wilayah.

Seramai 400 tetamu dan peserta telah hadir dan memeriahkan sambutan HPBS 2022 Peringkat Negeri Selangor ini.

PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Jabatan telah menerbitkan **3 garis panduan** pada tahun 2022 iaitu:

1. Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (MGPPPNS) Edisi Keempat;
2. Garis Panduan Pembangunan Atas Rizab Sungai Klang; dan
3. Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Dan Penggalian Jalan Negeri Selangor.



Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (MGPPPNS) Edisi Keempat adalah hasil dari semakan semula MGPPPNS Edisi Ketiga yang telah diluluskan. Keperluan semakan semula MGPPPNS, Edisi Ketiga adalah berikutan dari perubahan keadaan pembangunan dan perancangan semasa serta maklumbalas dari jabatan-jabatan teknikal, perunding perancang bandar dan pemaju pembangunan hartanah Negeri Selangor. Di samping, untuk mempertingkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan yang lebih sempura selaras dengan visi Kerajaan Kerajaan Negeri Selangor iaitu "Selangor Negeri *Smart and Caring*" (SAC).



Garis Panduan Pembangunan atas Rizab Sungai Klang ini merupakan satu usaha Kerajaan Negeri memastikan Sungai Klang menjadi sebagai nadi kehidupan serta laluan air utama bagi Negeri Selangor namun dalam masa yang sama memastikan pembangunan fizikal yang dilaksanakan mengekalkan fungsi semulajadi sungai sebagai aset semulajadi yang seimbang dengan pembangunan ekonomi dan fizikal semasa. Ia menjadi panduan di dalam merancang pembangunan fizikal di rizab sungai dari segi struktur binaan yang dibenarkan seperti kesinambungan pembangunan *waterfront*, perniagaan (struktur tidak kekal), infrastruktur dan utiliti, eko-pelancongan dan lain-lain berkaitan.

Garis Panduan Kemudahan Utiliti dan Penggalian Jalan Negeri Selangor ini disediakan bagi tujuan untuk memandu dan merancang pembangunan koridor utiliti bagi pembangunan baru, pembangunan semula dan sedia ada bagi mengawal selia aktiviti penggalian jalan akibat penyelenggaraan/pembaikan utiliti supaya situasi jalan dalam keadaan baik untuk memastikan perancangan dan pembangunan utiliti akan lebih teratur dan terkawal serta pembangunan pangkalan data yang komprehensif bagi Negeri Selangor.

PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN

Perhimpunan Bulanan Jabatan merupakan platform untuk menghimpunkan warga kerja untuk mendengar ucapan, pemakluman dan informasi daripada pihak pengurusan tertinggi berhubung hasrat dan harapan Jabatan ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan. Bagi tahun 2022, Jabatan telah mengadakan perhimpunan Bulanan Jabatan sebanyak 3 kali iaitu:-

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Perhimpunan Bulanan PLANMalaysia Selangor Bil. 1/2023 (Secara Atas Talian).	10 Januari 2022
2.	Perhimpunan Bulanan dan Majlis Rahmah Mesra Ketua Pengarah PLANMalaysia Bersama Warga Kerja PLANMalaysia Selangor.	20 Mei 2022
3.	Majlis Amanat Pengarah PLANMalaysia Selangor Bersama Warga PLANMalaysia Selangor dan Perhimpunan Bulanan Jabatan.	26 September 2022

Pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Bil.3/2022 juga telah diadakan sambutan bagi meraikan ketibaan Pengarah PLANMalaysia Selangor yang baharu iaitu YBrs. TPr Khairulzaman bin Ibrahim yang telah menjalankan tugas bermula 23 September 2022.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN ANUGERAH KHAS PENGARAH PERINGKAT JABATAN BAGI TAHUN 2021

Jabatan telah mengadakan Majlis Penyampaian **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang** bagi Tahun 2021 pada 7 Februari 2022 bertempat di Ballroom, Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz. Anugerah ini merupakan satu tanda penghargaan dan pengiktirafan ke atas sumbangan pegawai-pegawai yang telah menjalankan tugas dengan dedikasi dan cemerlang. Turut disampaikan Anugerah Khas Pengarah Peringkat Jabatan bagi Tahun 2021.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2021

Penerima Anugerah Khas Pengarah 2021

PROGRAM IBADAH KORBAN PLANMALAYSIA SELANGOR

Program Ibadah Korban PLANMalaysia Selangor Tahun 2022 / 1443H telah diadakan pada 13 Julai 2022 bertempat di Masjid Setia Alam bertujuan untuk menunaikan ibadah korban, mengeratkan ukhwah serta menyuburkan semangat kerja berpasukan dan gotong royong di kalangan warga Jabatan. Ibadah korban ini adalah inisiatif Jawatankuasa Kerohanian dan Khairat Kematian dengan kerjasama AKRAB Jabatan.

PROGRAM TAHSIN IBADAH 2022 PERINGKAT DAERAH PETALING

Jawatankuasa Kerohanian dan Khairat Kematian PLANMalaysia Selangor dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Petaling telah menganjurkan Program Tahsin Ibadah 2022 Peringkat Daerah Petaling dengan topik Harta Pusaka: Suka Atau Duka pada 15 Julai 2022 bertempat di Bilik Persidangan Tingkat 18, PLANMalaysia Selangor. Ceramah yang dihadiri oleh warga Jabatan dan terbuka kepada seluruh warga kerja Bangunan Darul Ehsan ini telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Fazli bin Kamarulzaman dari Unit Dakwah, PAID Petaling.

AKTIVITI KELAB SUKAN KEBAJIKAN DAN REKREASI

Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi (KSKR) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor telah menjalankan aktiviti bagi tahun 2022 dengan penganjuran dan penyertaan program antaranya adalah seperti Perlawanan Persahabatan Futsal pada 6 Januari 2022 serta menyertai Pesta Bola Ngoca Negeri Sembilan pada 10 dan 11 Disember 2022 bersempena dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Peringkat PLANMalaysia Negeri Sembilan. KSKR juga aktif menyantuni warga Jabatan dengan memberikan sumbangan kepada ahli yang bersara, berpindah tempat bertugas, kelahiran cahaya mata pertama di Jabatan, perkahwinan dan sebagainya serta melaksanakan kutipan tabung bencana banjir kepada mereka yang terlibat.

PERUTUSAN PENGARAH

PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN

STRATEGI KORPORAT JABATAN

STRUKTUR ORGANISASI JABATAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGURUSAN KEWANGAN

PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

KALENDAR PROGRAM JABATAN

LAWATAN DELEGASI LUAR

LAWATAN DELEGASI LUAR

PLANMalaysia Selangor turut menerima kunjungan daripada pelawat luar, selaras dengan hasrat untuk menjadikan Jabatan sebagai *Centre Of Reference*. Antara kunjungan dari pelawat luar adalah seperti berikut:

1. PLANMalaysia Johor pada 14 Januari 2022 bagi sesi taklimat dan perkongsian maklumat Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit & Tanah Tinggi Negeri Selangor serta lawatan tapak projek pembangunan ke Serenia City Sime Darby, Dengkil Sepang, Selangor Darul Ehsan.
2. PLANMalaysia Pulau Pinang pada 16 Mac 2022 bagi mendengar taklimat dan perkongsian dari PLANMalaysia Selangor disamping meneroka ilmu-ilmu baharu untuk dijadikan panduan dan rujukan khususnya Bahagian Korporat PLANMalaysia Pulau Pinang yang terlibat secara langsung sebagai urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC).
3. Ahli Lembaga Rayuan Negeri Melaka ke PLANMalaysia Selangor pada 26-27 Oktober 2022 bagi mendapatkan pengalaman dan pemahaman yang jelas mengenai pengurusan kes-kes perancangan yang melibatkan Lembaga Rayuan di Negeri Selangor serta peruntukkan perundangan dibawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MEMBERIKAN KERJASAMA DAN SUMBANGAN BAGI MENJAYAKAN PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN 2022.

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR
(PLANMALAYSIA SELANGOR)
TINGKAT LG,15-18, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO. 3, JALAN INDAH SEKSYEN 14,
40646 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
http://www.jpbdselangor.gov.my

PLANMALAYSIA SELANGOR PLANMALAYSIA SELANGOR OFFICIAL